

# ASPIRASI FPP

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN, UTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN, KAMPUS SEREMBAN

ISSN 2735-0525

EDISI 1, 2024

**REKABENTUK DALAMAN**  
*Pengaruh Psikologi Pelanggan*

Kejayaan Media Sosial Dalam Industri  
Perniagaan:  
Konteks Perniagaan Viral Menuju Era IR4.0

**Pengubahan Wang & Pengelakan Cukai:**  
*Kesan Terhadap Ekonomi, Sosial dan Politik*

**PASCA PANDEMIK:**  
*10 Idea Trending*  
*Perniagaan Kecil di Malaysia*

**SYAQIST**  
*PENERAJU*  
**CADAR PATCHWORK**  
**PREMIUM**

**TEKNOLOGI DALAM PERNIAGAAN**  
*RAHMAT ATAU SUMPAHAN?*

## AKTIVITI FAKULTI

Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku Sulaiman & Dr. Wan Normila Mohamad

### PERKONGSIAN KEPAKARAN BERSAMA MS SUPPLY CHAIN SOLUTIONS (MALAYSIA) SDN BHD

**F**akulti Pengurusan Perniagaan Kampus Seremban mempunyai pensyarah yang berkepakaran dalam bidang pemasaran dan telah menerima jemputan dari MSCS sebuah anak syarikat *Mitsui\_SOKO Supply Cains Solutions Inc.* yang berpangkalan di Jepun.

Sesi perkongsian ilmu ini telah disampaikan oleh **Dr. Wan Normila Mohamad, Norhaniza Md Akhir** dan **Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku Sulaiman** di MSCS Bangi pada 29 November 2023. MSCS adalah syarikat global yang menekankan budaya timur di dalam organisasi dan mengamalkan konsep "Quality", "Kaizen" & "Solution". Sesi perkongsian ini juga dihadiri oleh **Pengarah Urusan MSCS iaitu Mr. Isamu Takahashi, Pengurus Besar, Ts Dr Yuzaimi Yasin** dan semua staf MSCS yang bermula pada jam 10.00 pagi dan berakhir pada jam 1 tengah hari.

Perkongsian ilmu ini telah memberi pendedahan dan gabungan yang mantap di dalam menghasilkan pertemuan dua dimensi dari kepakaran industri dan pihak ilmuan Universiti yang membuahkan hasil yang bermanfaat. Perkongsian dan pertukaran ilmu yang melibatkan kedua pihak memberikan impak dan kewujudan kolaborasi Universiti dan industri.





## UNDANGAN KE THE MARK PLUS CONFERENCE 2024 – UNSTOPPABLE FUTURE

### Anjuran Markplus Inc., Indonesia

**M**ark Plus Inc. Indonesia telah menjemput pihak Bahagian Penyelidikan, Jaringan Industri, Masyarakat & Alumni (PJIMA) UiTM Cawangan Negeri Sembilan bersama Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Kampus Seremban bagi mengikuti konferensi ke-18 di Grand Ballroom, The Ritz Carlton, Jakarta, Indonesia pada **6 hingga 7 Disember 2023**.

Pihak UiTM telah diwakili oleh **Timbalan Rektor PJIMA, Prof. Madya Dr Siti Sara Ibrahim** dan diringi oleh Koordinator ICAN, Asmahanim Hj Mohamad Yusuf. Manakala pihak Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Seremban pula diwakili oleh Koordinator Jabatan, Tengku Sharifeleani Ratul Maknu Tengku Sulaiman, Dr Wan Normila Mohamad dan Dr Faridah Pardi.

Ia merupakan konferensi Pemasaran yang terbesar di Asia dan dihadiri oleh peserta dari beberapa negara Asia iaitu Thailand, Cambodia, Singapura dan lain-lain. Ini merupakan peluang terbaik bagi pihak Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTMCNS dalam menjalinkan kolaborasi hubungan industri bersama syarikat antarabangsa.

Penceramah jemputan adalah anak didik guru pemasaran terkemuka dunia iaitu **Philip Kotler** yang mempunyai latarbelakang hebat dalam bidang pemasaran seperti **Hermawan Kartajaya** (Founder & Chairman, MCorp) dan **Jacky Mussry**. Perkongsian ilmu melalui sidang perbincangan dan sesi ceramah telah memberi pendedahan kepada para peserta dalam menghadapi cabaran industri pemasaran secara global.



## KUNJUNGAN DELEGASI UNIVERSITAS SEBELAS MARET (UNS), SOLO, INDONESIA KE UITM KAMPUS SEREMBAN

Pihak Fakulti Pengurusan dan Perniagaan telah menerima kunjungan dari pihak Universitas Sebelas Maret pada **12 Disember 2023**.

Kunjungan balas yang terdiri daripada dua pensyarah dari Fakultas Ekonomi dan Bisnis (FEB) UNS iaitu *Dr. Tastaftiyen Risfandy*, dan *Linggar Ikhsan Nugroho* ke UiTM Kampus Seremban adalah bertujuan mencapai objektif yang telah dimeterai melalui hasrat awal untuk menjalin perjanjian persefahaman (MoA) semasa lawatan ke UNS pada tahun 2023.



Fakulti Pengurusan dan Perniagaan Kampus Seremban bersama wakil UNS telah menjalankan perbincangan penyelidikan dan juga berkongsi kepakaran bersama pelajar.





## Lawatan Akademik Kursus Fundamental of Finance (FIN242) ke Muzium Bank Negara



Pada 4 Januari 2024, seramai 90 pelajar Diploma Pentadbiran Korporat yang mengambil kursus Fundamentals of Finance (FIN242) telah mengadakan lawatan ke Muzium Bank Negara, Kuala Lumpur. Lawatan ini telah diuruskan oleh pensyarah kursus berkenaan, iaitu *Dr Faridah Pardi*. Program ini telah memberi pendedahan kepada pelajar tentang sejarah kewangan awal sehingga kini. Lawatan ini juga memberi pendedahan terhadap perubahan zaman dan teknologi kepada pelajar untuk melihat betapa pentingnya sesebuah negara itu bergerak seiring dengan negara maju untuk bersaing dalam ekonomi yang pesat dalam membentuk negara yang mempunyai ekonomi dan pegangan serta simpanan yang kukuh.



## Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 2024

Sambutan Hari Raya Fakulti Pengurusan Perniagaan Kampus Seremban telah diadakan pada 10 Mei 2024. Keluarga FPP Seremban hanya berjumlah 18 pensyarah namun sambutannya tetap ceria dan meriah. Sambutan yang penuh dengan kegembiraan dan kesyukuran dimulai dengan bacaan doa oleh En. Iskandar Ariffin. Majlis dimulakan dengan bacaan Yaasin, disedekahkan kepada salah seorang pensyarah tersayang FPP yang telah kembali ke rahmahtullah pada 1 Syawal 2024. Doa kami semoga *Datin Hajah Maria Kamarulzaman* ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman. Al-Fatihah.





## Majlis Menandatangani MoA di antara FEB UNS dan FPP UiTM Kampus Seremban

**M**ajlis menandatangani MoA di antara FEB UNS dan FPP UiTM Kampus Seremban telah berlangsung secara ringkas pada **30 April 2024**; di mana pihak Universitas Sebelas Maret

diwakili oleh **Dekan FEB, Prof. Drs. Djoko Suhardjanto**. Majlis tersebut turut disaksikan oleh Prof. Irwan Trinugroho (Vice Rector, Planning, Partnership, Business & Information UNS) serta lima pensyarah dari Fakultas Ekonomi dan Bisnis (FEB) UNS bersama sembilan pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Kampus Seremban.



MoA yang berlandaskan tiga objektif merangkumi penyelidikan, komuniti dan syarahan/ tamu dalam perkongsian kolaborasi kepakaran. MoA ini memberi kebaikan kepada kedua-dua universiti dalam meningkatkan KPI dan prestasi universiti disamping memberi impak kepada pendidikan dan jalinan kolaborasi peringkat antarabangsa.



## Sesi Kuliah Jemputan Delegasi Fakultas Pengurusan dan Perniagaan di FEB UNS & Aktiviti CSR di Pondok Pesantren Tahfidz Terpadu Ibnu Mubarak, Surakarta, Indonesia

Usai majlis menandatangani MoA, pensyarah FPP Kampus Seremban telah mengadakan sesi perkongsian ilmu dalam pengajaran dan pembelajaran. Sesi ini berlangsung selama 2 jam berdasarkan topik kursus yang bersesuaian dengan pelajar ijazah Sarjana Muda (S1), Universitas Sebelas Maret. Sesi ini bukan sahaja sesi perkongsian ilmu tetapi juga membuka ruang perkenalan dalam memahami budaya negara jiran Indonesia yang sememangnya mempunyai bahasa yang sama dalam selangga yang berbeza.

Pada sebelah petang, delegasi FPP Kampus Seremban meneruskan perjalanan ke Pondok Pesantren Tahfidz Terpadu IBNU MUBAROK yang menempatkan pelajar tahfiz lelaki. Delegasi FPP berkongsi ilmu dalam memberi pendedahan keusahawanan dan “leadership” kepada pelajar di Pondok Tahfidz. MoA yang termetarai di antara FPP Kampus Seremban dan UNS memberi impak positif dalam kewujudan kolaborasi dari sudut ilmiah juga kebajikan.





## Program Pendaftaran Perniagaan Pelajar bersama **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)**

Seramai 292 pelajar Sarjana Muda yang mengambil subjek Keusahawanan, ENT530 telah berjaya mendaftar perniagaan mereka bersama Suruhanjaya Syarikat Malaysia yang membuka kaunter di UiTM Kampus Seremban pada 5 Jun 2024. Pembukaan kaunter oleh pihak SSM ini memberi kemudahan pelajar mendaftar dan menyelia pelajar yang berhadapan masalah secara bersemuka dalam mendaftarkan perniagaan mereka.

